



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

‘TERIMA KASIH IBU’ SIMBOLIK USAHA IBU TERHADAP ANAK

AYER KEROH, 12 MEI – Bagi menghargai usaha ibu dalam membesarkan, mendidik dan membentuk sahsiah diri anak-anak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024 dengan tema ‘Terima KASIH Ibu’.

YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam sembah ucapan di Pusat Keluarga LPPKN Melaka berkata, “Sambutan Hari Ibu ini merupakan platform yang penting untuk kita menghargai kepentingan ibu sebagai pendokong utama kesejahteraan keluarga”. Hal ini sejajar dengan peranan KPWKM dalam memperkuat institusi keluarga selari dengan hasrat Malaysia MADANI bagi mencapai kesejahteraan rakyat.

Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri turut berkongsi Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2022 yang menunjukkan kemerosotan skor Indikator Kualiti Masa dan Indikator Imbangan Masa justeru menyarankan peranan para suami untuk memahami dan menghargai sumbangan isteri serta berkongsi tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga agar tidak berlakunya kelesuan melampau yang akan memberi kesan kepada fizikal, mental dan emosi.

Peka dengan situasi serta cabaran semasa yang dialami oleh golongan ibu ini, LPPKN menawarkan pelbagai perkhidmatan keluarga dan program kesejahteraan wanita seperti Program Kekeluargaan, Program Kaunseling, Pembangunan dan Terapi, Klinik Kesihatan Reproduktif serta urutan dan penjagaan ibu selepas bersalin yang bakal memanfaatkan lebih 300,000 orang penduduk wanita yang berumur 15 tahun dan ke atas melalui Pusat Keluarga LPPKN Melaka.

Diakhir sembah ucapan Sambutan Hari Ibu 2024, Dato' Sri Hajah Nancy teru menyeru kepada pihak swasta untuk menawarkan promosi dengan memberi potongan harga menarik bagi jualan makan minum, gedung pakaian, pusat spa dan rawatan kesihatan sebagai tanda penghargaan sekaligus sebagai hadiah buat mereka yang bergelar ibu.

Turut hadir pada majlis ini YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Isteri Perdana Menteri, YBhg. Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Timbalan Menteri PWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kanan Persekutuan dan Negeri.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
12 Mei 2024**